

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Pampasan Pekerja. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

INSURANS PAMPASAN PEKERJA

1. Apakah produk ini?						
Polisi ini melindungi liabiliti anda sebagai seorang majikan berhubung dengan liabiliti undang-undang anda di bawah Akta Pampasan Pekerja dan juga Common Law terhadap pekerja-pekerja anda yang tidak dilindungi oleh SOCSO.						
2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?						
Polisi ini mengganti rugi anda terhadap liabiliti yang anda harus tanggung untuk membayar pampasan terhadap mana-mana pekerja ke atas kecederaan diri yang perpunca daripada kemalangan atau penyakit pekerjaan yang timbul dan di dalam tempoh penggajian di bawah:- (a) Akta Pampasan Pekerja 1952 dan pindaan seterusnya pada Akta tersebut ; atau (b) Common Law.						
3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?						
Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis perniagaan anda, jumlah pembayaran gaji/upah tahunan dan keperluan pengunderaitan Syarikat Insurans.						
4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?						
Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:						
<table border="0"> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">Jumlah</td> </tr> <tr> <td>a. Cukai Barang Dan Perkhidmatan</td> <td style="text-align: right;">0% daripada premium</td> </tr> <tr> <td>b. Duti Setem</td> <td style="text-align: right;">RM10</td> </tr> </table>		Jumlah	a. Cukai Barang Dan Perkhidmatan	0% daripada premium	b. Duti Setem	RM10
	Jumlah					
a. Cukai Barang Dan Perkhidmatan	0% daripada premium					
b. Duti Setem	RM10					
Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 25% daripada premium.						
5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?						
<ul style="list-style-type: none"> Kewajipan pendedahan : anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang anda, jika tidak, polisi anda akan dianggap tidak sah dan dimansuhkan. Anda harus memastikan borang lengkap sepenuhnya kerana ia mewakili kontrak asas insurans anda. Anda hendaklah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi mencegah kemalangan dan penyakit dan mematuhi semua kewajipan mengikut Undang-undang. Waranti premium – Premium mesti di bayar dan di terima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko 						
6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?						
Polisi ini tidak melindungi:						
<ul style="list-style-type: none"> mana-mana pekerja yang bukan tergolong sebagai “pekerja” di bawah Akta Pampasan Pekerja mana-mana kecederaan atau penyakit dialami di luar kawasan geografi liabiliti anda terhadap pekerja-pekerja kontraktor kepada anda liabiliti tertanggung oleh penjarjian perang, perang saudara dan mana-mana tindakan keganasan risiko radioaktif dan tenaga nuklear 						
Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini.						

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Pampasan Pekerja. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?
Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.
8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?
Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.
9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?
Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan butir-butir penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda. Anda tidak boleh mengaku salah, menawar, berjanji, membayar pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada kami.
10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?
Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.
11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?
Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di www.mpigenerali.com MPI Generali Insurans Berhad (Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia) 8th Floor, Menara Multi-Purpose Capital Square 8, Jalan Munshi Abdullah 50100 Kuala Lumpur Tel: +603 2034 9888 Fax: +603 2694 5759 Email: generalenquiries@mpigenerali.com
12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan ?
<ul style="list-style-type: none">• Insurans Liabiliti Majikan• Skim Pampasan Pekerja Asing

NOTA PENTING:

ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBatasan FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.

ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.